

UMS anjur program latihan hapus tempat pembiakan aedes

UB 01.03.2023 P.06

KOTA KINABALU: Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan COVID-19 (PKTC-19) dengan kerjasama Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PKKP) dan Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Program Latihan Penghapusan Tempat Pembiakan Nyamuk Aedes (PTP) di Kolej-Kolej Kediaman UMS, baru-baru ini.

Program tersebut yang turut mendapat kerjasama Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu telah disertai oleh wakil-wakil felo kediaman, pelajar dan kontraktor pembersihan kampus UMS.

Pengarah PKKP UMS, Profesor Dr. Khamisah Awang Lukman, berkata program itu antara lain bertujuan memberi latihan kepada kakitangan UMS bagi mengenal pasti tempat-tempat umum yang kebiasaannya menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

“Selain itu program ini bertujuan untuk memberi latihan kepada kakitangan UMS bagaimana untuk memusnahkan tempat pembiakan nyamuk dengan cara betul.

“Disamping itu, kakitangan yang diberi latihan kelak dapat mempraktikkan amalan cari dan musnah bagi memastikan persekitaran UMS bebas aedes,” katanya.

Tambah Khamisah, program tersebut merupakan inisiatif PKTC-19 dan PKKP



ALBUM: Peserta Program Taklimat dan Latihan PTP di Kolej Kediaman bergambar kenangan sempena program berkenaan.

bagi membantu Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu mengawal risiko jangkitan denggi di dalam kampus UMS.

“Setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama serta berganding bahu bagi memastikan kejayaan penganjuran program latihan ini.

“Kita berharap agar ilmu dan kemahiran yang diperoleh dapat diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan di peringkat jabatan masing-masing khususnya bagi menghapuskan aedes dan mencegah berlakunya kes denggi, sekali gus meningkatkan keselamatan dan kesihatan warga UMS secara amnya,” katanya.

Sesi taklimat telah disampaikan oleh wakil



PRAKTIKAL: Sesi Latihan Cari dan Musnah Tempat Pembiakan Nyamuk di sekitar Hatceri Ikan IPMB.

dari Unit Vektor Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu, Dina@Fidelia Anna Peter Marius.

Manakala sesi PTP turut dijalankan di sekitar hatceri ikan dan udang IPMB, asrama pelajar IPMB, Kolej Kediaman Tun Mustapha

(KKTU) dan Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTF).

Hadir sama wakil PKTC-19, Prof. Madya Dr. Azizan Omar dan Dr. Muhammad Aklil Abdul Rahim serta Timbalan Ketua Pegawai Sains IPMB, Motinius Guntalib.